

Sekatan Pergerakan Penuh

Hanya 17 perkhidmatan dibenar

Berita Harian (31/05/2021) M15 01

Oleh **Nor Azizah Mokhtar**
dan **Suzalina Halid**
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Semua sektor ekonomi dan sosial tidak dibenarkan beroperasi sepanjang sekatan pergerakan penuh berkuat kuasa esok hingga 14 Jun ini kecuali 17 perkhidmatan yang ditetapkan kerajaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata 17 perkhidmatan itu merangkumi makanan dan minuman, termasuk untuk haiwan, penjagaan kesihatan dan perubahan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar.

“Turut dibenarkan perkhidmatan air, tenaga, keselamatan,

pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta pembetulan.

“Pengangkutan melalui darat, air atau udara, perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kar-

go dan pemaliman serta penyimpanan atau pemukalan komoditi.

“Operasi komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya dibenarkan,” katanya pada sidang media bersama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, turut dibenarkan ialah perkhidmatan perbankan, insurans, takaful dan pasaran modal, kredit komuniti (pajak gadai dan Ar-rahnu), e-dagang dan teknologi maklumat, pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengalihan bahan api dan pelincir.